

Analisis Puisi Mahmud Darwish Dan Taufiq Ismail Berdasarkan Pendekatan Strukturalisme Genetik
Analysis of Mahmud Darwish And Taufiq Ismail Poems Based on Genetic Structuralism

Jumadil
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
jumadil584@gmail.com

Nazri Atoh
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
nazri.pdpc@gmail.com

Received: 5 March 2022; Published: 17 June 2022

Cite this article (APA) as:

Jumadil, & Atoh, N. (2022). Analisis Puisi Mahmud Darwish Dan Taufiq Ismail Berdasarkan Pendekatan Strukturalisme Genetik. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1), 87 - 101. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/156>

ABSTRAK

Puisi Mahmoud Darwish dan puisi Taufiq Ismail menggambarkan tentang patriotisme yang berhubungkait dengan kepribadian dan keadaan sosial. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti unsur dalaman dan luaran puisi Mahmoud Darwish dan Taufiq Ismail. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan unsur dalaman dan luaran antara puisi Mahmoud Darwish dan Taufiq Ismail. Dalam kajian ini tiga puisi Mahmoud Darwish (*Bithoqotun Huwiyah, Ila Ummy dan 'An Insaan*) dan tiga puisi Taufiq Ismail (*12 Mei 1998, Malu Aku Jadi Orang Indonesia dan Bayi Lahir Bulan Mei 1998*) dipilih untuk dianalisis. Kajian ini menggunakan teori Strukturalisme Genetik Lucian Goldman dengan pendekatan analisis deskriptif. Kajian mendapati bahawa unsur dalaman yang terdapat dalam puisi adalah diksi, imaji, gaya bahasa, tajuk, rasa dan amanat. Unsur luaran bagi puisi-puisi tersebut adalah kehidupan sosial pengarang. Persamaan unsur dalaman dan luaran dalam teks puisi Mahmoud Darwish dan Taufiq Ismail; iaitu tajuk, diksi (gaya bahasa) dan kedua-dua penyair mengalami peristiwa yang sama dalam hidup, iaitu kepayahan dalam memperjuangkan kebenaran. Perbezaan unsur dalaman antara kedua-dua penyair adalah Mahmoud Darwish tidak mengikuti konsep puisi tradisional Arab, satu puisi Taufiq Ismail pula mengikuti konsep puisi lama Indonesia. Kajian ini dapat membuka jalan baharu bagi kajian bandingan sastera Arab dan sastera Indonesia, juga dapat dijadikan sebagai bahan perbandingan untuk mengkaji karya sastera yang lain dengan menggunakan teori Strukturalisme Genetik.

Kata Kunci: Mahmud Darwish; Taufiq Ismail; Puisi; Luaran; Dalaman

ABSTRACT

*The poems of Mahmoud Darwish and Taufiq Ismail were describe patriotism in relation to personality and social conditions. Therefore, this study was conducted to identify the intrinsic and extrinsic elements of the poems of Mahmoud Darwish and Taufiq Ismail. In addition, this study was conducted to analyze the similarities and differences of intrinsic and extrinsic elements between the poems of Mahmoud Darwish and Taufiq Ismail. In this study, three poems by Mahmoud Darwish (*Bithoqotun Huwiyah, Ila Ummy dan 'An Insaan*) and three poems by Taufiq Ismail (*12 Mei 1998, Malu Aku Jadi Orang Indonesia dan Bayi Lahir Bulan Mei 1998*) has been selected for analysis. This study uses Lucian Goldman's theory of Genetic Structuralism with descriptive analysis approach.*

Studies have found that the intrinsic elements found in the poetry are diction, image, language style, title, taste and message. The extrinsic element of these poems is about the author's social life. There are similarities between intrinsic and extrinsic elements in the poetry texts of Mahmoud Darwish and Taufiq Ismail; such as the title, diction (style of language) and both poets experienced similar events in life, especially difficulty in fighting for the truth. The difference between the intrinsic elements between the two poets is that Mahmoud Darwish does not follow the concept of traditional Arabic poetry, one of Taufiq Ismail's poem follows the concept of old Indonesian poetry. This study can provide a new path for the comparative study of Arabic literature and Indonesian literature, also can be used as a comparison material for studying other literary works using the theory of Genetic Structuralism.

Key Words: Mahmud Darwish, Taufiq Ismail, Poem, Intrinsic, extrinsic.

PENGENALAN

Karya sastra merupakan sebuah gambaran, dokumen sosiobudaya, falsafah serta sistem pemikiran sesebuah masyarakat. Secara langsung, sesebuah karya sastra memiliki peranan sebagai satu sistem intelektual, ideologi dan sistem nilai masyarakat yang menjadi latar kepada kelahiran sesebuah karya tersebut. Karya sastra dalam semua genre juga merupakan potret masyarakat yang difiksikan oleh pengarang sebagai gambaran bentuk, dan cara seseorang pengarang membicarakan atau mengupas segenap realiti masyarakatnya (Azman Ismail, 2018). Hasil penulisan karya kesusasteraan merupakan cerminan fenomena atau apa sahaja yang berlaku dalam masyarakat. Para sasterawan yang dalam pelbagai latar budaya kehidupan akan mengungkapkan permasalahan dalam masyarakatnya dalam bentuk penulisan. Sejajarnya pengarang mengungkapkan permasalahan dalam masyarakatnya yang pengarang sendiri berada dalamnya (Roslan Chin, 2021).

Puisi merupakan karya sastra yang dihasilkan dari pikiran dan imajinasi seorang penyair. Puisi meliputi pantun, teromba, peribahasa, teka-teki, mantera, prosa berirama, syair dan lain sebagainya (Noor Sarah Binti Abu Kasim, 2018). Puisi dapat menggambarkan peristiwa yang terjadi pada masa puisi tersebut ditulis. Para sasterawan banyak menulis karya sastra yang berkaitan dengan keadaan di persekitaran, sama ada sasterawan menulis puisi yang berkaitan dengan pengalaman yang pernah mereka rasai. Puisi tentang patriotisme banyak dijumpai pada sasterawan yang mengalami keadaan teruk di satu Negara. Antaranya ialah Mahmud Darwish yang dijajah oleh zionis Israel, juga Taufiq Ismail yang berasal dari Indonesia mengalami keadaan yang amat teruk dalam negara mereka. Kedua-dua sasterawan ini menulis puisi tentang patriotism.

Daripada sudut lain puisi adalah satu karya sastra yang dapat dikaji daripada pelbagai aspek. Puisi dapat dikaji dari struktur puisi, unsur-unsur membentuk puisi, daripada aspek sejarah untuk mengetahui perkembangan puisi. Dari segi jenis, mahupun aliran puisi (A. Teeuw, 1980). Puisi, sebagai karya sastra dapat dijadikan sebagai alat perlawanan/atau pemberontakan bagi sebahagian rakyat yang merasa dijajah oleh bangsa lain. Banyak sasterawan yang muncul saat mereka dijajah oleh bangsa lain. Ada pula sasterawan yang muncul saat bangsanya mengalami kejatuhan daripada pelbagai aspek, sosial, ekonomi, pendidikan, kemiskinan, dan sebagainya. Salah satu sasterawan yang menggunakan puisi sebagai alat perlawanan kepada penjajah dan menunjukkan rasa patriotisme kepada negara ialah Mahmud Darwish. Seorang sasterawan dari Palestin yang telah menerima banyak penghargaan. Mahmud Darwish banyak menulis puisi untuk menggambarkan peristiwa yang beliau alami dan terjadi di Palestin.

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis unsur dalaman dan luaran puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail dengan menggunakan teori Strukturalisme Genetik. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpulkan informasi-informasi yang berkaitan

dengan kajian yang dijalankan. Kaedah kepustakaan menurut A.Halim Ali (2019) adalah kajian yang menggunakan sumber-sumber sedia ada (documented resources). Antara sumber tersebut adalah buku, jurnal, di=kumen bercetak, manuskrip dan lain-lain.

Biografi Mahmud Darwish

Mahmud Darwish lahir pada tahun 1941 di kampung yang bernama Birwa, terletak di sebelah barat Palestin. Pada masa umur tujuh tahun, beliau dan keluarganya melarikan diri ke Libanon kerana Yahudi Israel pada tahun 1948 menghancurkan kampung mereka. Selain kampung Birwa, tempat tinggal Mahmud Darwish dan keluarga, kampung lain juga yang terletak di Palestin dihancurkan oleh Israel (Gasil Abdul Al-Razzaq, 2013). Mahmud Darwish pernah dipenjarakan pada tahun 1961, kemudian antara tahun 1965-1967, lalu yang terakhir pada tahun 1969 (Aliy Maula).

Mahmud Darwish mulai menulis puisi saat ia masih sekolah. Koleksi puisi pertamanya diterbitkan pada tahun 1960 ketika ia berumur 19 tahun. Kemudian koleksi keduanya, *Awraq al-Zaytun* (1964), ia mendapatkan reputasi menjadi salah satu pelopor puisi-puisi perlawanan. Tujuan utama dari tema-tema puisinya adalah demi nasib tanah airnya. Hal ini kerana konflik panjang perang Arab- Israel.

Periode awal kumpulan puisinya adalah *Leaves of the Olive Tree* (1964), dan *A Lover from Palestine* (1966). Setelah invasi Israel ke Beirut Beliau menulis prosa *Memory for Forgetfulness* (1982) sebuah memoar yang mengisahkan invasi Israel ke Beirut dan *In Praise of the High Shadow* (1983). Pada tahun 1990-n, ia terkenal dengan tulisan *I See What I Want* (1990), *Why Did you Leave the Horse Alone?* (1995), *The Bed of A Stranger* (1996), and *Mural* (1999). Selanjutnya pada tahun 2000 ia menulis *A State of Siege* (2002), dan tulisan terakhirnya termasuk *Like Almond Blossoms or Farther Away* (2006), *Journal of An Ordinary Sorrow* (2007), dan *The Butterfly Effect* (2008).

Selain itu, pada tahun 1982, beliau menulis *لست وحدك* (engkau tidak sendirian) untuk Yasser Arafat, ketika bangsa Palestin diusir dari Beirut. Darwish mengatakan itu kepada setiap orang di muka bumi, kepada setiap orang yang diusir ke pengasingan untuk kesekian kalinya. Darwish, berarti sebuah nama yang dalam bahasa Arab berarti seorang laki-laki suci pengelana spiritual. Ia berpindah dari perbatasan demi perbatasan antara Palestin, Israel, Rusia, Prancis, Yordania, Lebanon, Mesir, dan negara- negara lain. Seperti yang terlihat dalam bahasa dan puisinya, Darwish memiliki sebuah visi dan semangat untuk meraih keadilan. Ia menulis sambutan terkenal Arafat kepada Sidang Majelis Umum Perserikatan Bangsa-Bangsa pada 1974, yang di dalamnya Arafat memohon kepada dunia dengan mengulang tiga kali, *لا تسقطوا الغصن الأخضر من يدي* (jangan biarkan tunas hijau ini jatuh dari tanganku).

Darwish menerima beberapa penghargaan selama pengabdianya menjadi penyair. Pada tahun 1969 Darwish mendapatkan penghargaan *Lotus Prize* dari perserikatan penulis Afro-Asian, dan *The Lenin Peace Prize* untuk kategori *Cultural Freedom*, penghargaan tersebut mengikrarkan orang-orang yang luar biasa dan berani menyerukan hak asasi manusia untuk bebas berimajinasi, berkarya dan berekspresi. Sebagaimana yang telah diistilahkan oleh penggagasannya, kebebasan berbudaya adalah hak setiap orang dan komuniti untuk mendefinisikan dan menjaga nilai-nilai dan perbedaan cara hidup yang saat ini terancam oleh globalisasi. Pada tahun 1997, beliau kembali mendapatkan penghargaan *France's knighthood of Arts and Belles Letters* pada tahun 1997, dan *The Lannan Foundation Prize for Cultural Freedom* pada tahun 2001.

BIOGRAFI TAUFIQ ISMAIL

Taufiq Ismail adalah sasterawan yang berasal dari Indonesia, lahir pada 25 Jun 1935 di Bukit Tinggi Sumatera Barat. Beliau belajar di Universitas Indonesia di fakulti penternakan hingga akhirnya menjadikan ia sebagai doktor haiwan. Taufiq Ismail adalah penggagas puisi demonstrasi. Taufiq Ismail menjadi ciri puisi Indonesia Angkatan 66. Puisinya mengungkapkan tentang keadilan dan kebenaran, antaranya puisi beliau yang mengkritik tentang rejim, puisi beliau juga menjadi ciri dari kebangkitan para sasterawan angkatan 66 dalam dunia puisi Indonesia (Herman, 1987). Kumpulan-kumpulan puisi beliau bertajuk; *Tirani* (1966), *Banteng* (1966), *Puisi-puisi sepi* (1971), *Sajak-sajak Ladang Jagung* (1973.). Puisi-puisi Taufiq Ismail banyak bersifat naratif untuk mengutuk rejim Soeharto.

METODOLOGI

Kajian dijalankan memakai pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif ialah suatu bentuk kajian yang berasaskan kepada ‘*by word*’ and ‘*picture*’, seperti dinyatakan Mils dan Huberman (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, 2016) kajian kualitatif iaitu kajian yang menggunakan laporan ayat demi ayat atau secara verbatim tanpa menggunakan sebarang statistik. A.Halim Ali (2019) menyebutkan, penyelidikan berbentuk kualitatif adalah penyelidikan yang tidak mementingkan data statistik sebaliknya lebih mementingkan penghuraian yang terperinci.

Sumber utama kajian yang analisis dalam kajian ini adalah puisi Mahmud Darwish yang bertajuk ‘*Ila Ummi*’ (Kepada ibuku) dan puisi Taufiq Ismail yang bertajuk ‘Bayi Lahir Bulan Mei 1998’. Penyelidikan bersandarkan pendekatan Strukturalisme Genetik yang melihat karya sastera dari dua sudut iaitu intrinsik dan luaran. Strukturalisme Genetik juga karya kesusasteraan tidak dilihat sebagai ciptaan individu, melainkan ciptaan dari apa yang ia sebut “struktur mental transindividual” dari kelompok sosial (Abdul Halim, 2011:79).Kajian ini bermula dengan kajian intrinsik sebagai data asas. Tambahan pula, penyelidikan akan menghubungkan pelbagai unsur dengan realiti masyarakat. Karya dipandang sebagai sebuah refleksi zaman, yang dapat mengungkapkan aspek sosial, budaya, politik, ekonomi, dan sebagainya. Peristiwa-peristiwa penting dari zamannya akan berhubungan langsung dengan unsur-unsur dalaman karya sastera.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis unsur dalaman dan kaitanya dengan aspek luaran yang terdapat pada puisi Mahmud Darwish dan Taufiq Ismail.

Analisis Unsur Dalaman dan Luaran

Analisis ini mencakup struktur fizik dan struktur batin. Adapun struktur fizik yang akan dianalisis iaitu diksi, imaji, dan *balaghah*. Sementara struktur batin puisi ialah tema, rasa amanat dan nada.

Diksi iaitu kata yang dipilih untuk menghasilkan sesuatu puisi. Kata yang dipilih dalam puisi dipertimbangkan dari segi maknanya dan konteks yang digunakan. Kata-kata yang dipilih haruslah dipertimbangkan erti, perpaduan bunyi dalam irama dan rima, kedudukan kata dengan kata lain dari keseluruhan puisi. Pengimajian ditandai dengan adanya penggunaan kata yang konkrit dan khas. Ada tiga jenis imaji yang ditimbulkan, iaitu imaji auditif, imaji visual dan imaji taktil (cita rasa). Imaji dalam puisi adalah usaha untuk membangkitkan imaji dan rasa bagi pembaca. Balaghah iaitu keindahan dari segi ayat,

susunan ayat, makna ayat, pengaruh jiwa, keindahan dan pemilihan kata yang sesuai dengan tuntutan.

Tema merupakan gagasan utama yang disampaikan oleh penyair. Jika pengalaman penyair yang berkaitan dengan ketuhanan, maka tajuk puisinya tentang ketuhanan. Jika pengalaman penyair tentang rasa kasih sayang terhadap manusia maka puisinya berkaitan tentang kemanusiaan. Jika yang dirasakan adalah ketidakadilan, maka. Rasa iaitu sikap penyair terhadap permasalahan atau objeknya. Penyair cenderung menulis puisi perlawanan. Rasa ialah pengalaman batin yang menunjukkan rasa gembira, sedih, haru, atau berani yang sifatnya subjektif. Amanat merupakan hal yang mendorong penyair untuk menulis puisi. Amanat iaitu tersembunyi dari kata yang ditulis atau dari tajuk yang diungkap oleh penyair. Tajuk berbeza dengan amanat, adapun tajuk berkaitan dengan erti karya sastera, sedangkan amanat berkaitan dengan pesan yang disampaikan oleh sesuatu karya sastera.

Analisis Puisi Mahmud Darwish

Puisi *Ila Ummi* / إلى أمي (Kepada Ibuku)

Jadual: Puisi *Ila Ummi* dalam bahasa Arab dan terjemahan bahasa Melayu

Puisi Kepada Ibuku

Melayu	Arab
Kepada ibuku	إلى أمي
Aku rindu roti ibu	أحنّ إلى خبز أمي
Kopi ibu	وقهوة أمي
Dan belaian ibu	و لمسة أمي
Dalam diriku, masa kanak-kanak tumbuh	وتكبر في الطفولة
Dari hari ke hari	يوما على صدر يوم
aku begitu menyayangi hidupku, sebab bila aku mati	و أعشق عمري لأني إذا متّ
Betapa malunya aku pada tetes air mata ibu	أخجل من دمع أمي
Bawa aku, bila esok hari kembali	خذيني، إذا عدت يوما
Sebagai syal untuk bulu matamu	وشاحا لهدبك
dan tutupilah tulangku dengan rumput	و غطي عظامي بعشب
Yang dibaptis kesucian tumitmu	تعمد من طهر كعبك
Eratkanlah ikatanku	وشدي و ثاقي
dengan seikat rambut	بخصلة شعر
Dengan benang yang melambai dari ujung gaunmu	بخيط بلّوح في ذيل ثوبك
Bila aku menjadi dewa	عساي أصير إلهها
Bila kusentuh lubuk hatimu	إذا ما لمست قرارة قلبك
Taruhlah aku, bila aku kembali	ضعيني، إذا ما رجعت
Seperti engkau nyalakan api dalam tungkumu	وقودا بتنور نارك
Dan seperti meletakkan tali jemuran di loteng rumahmu	وحبل غسيل على سطح دارك
Kerana aku telah kehilangan kekuatan untuk berdiri	لأني فقدت الوقوف

Tanpa doa di siang harimu	بدون صلاة نهارك
Kini aku sudah tua, kembalikanlah bintang masa kecilku	هرمت، فردّي نجوم الطفولة
Hingga aku bias mengikuti	حتى أشارك
Burung-burung pipit masa kecil	صغار العصافير
Menuju jalan pulang	درب الرجوع
Pada sarang penantianmu	لعشّ إنتظرك

(Mahmud Darwish, 2005)

Analisis Unsur Dalaman

Diksi

Puisi yang bertajuk إلى أمي (kepada ibuku) merupakan satu puisi yang ditulis oleh Mahmud Darwish dengan kata/diksi yang sederhana, iaitu diksi yang selalu dijumpai dalam kehidupan sehari-hari. Walau bagaimanapun, penyair menggunakan kata tersebut memiliki makna simbolik ianya mesti diungkap dengan makna sebenar. Diksi yang dipilih oleh penyair ianya memiliki hubung kait dengan pengalaman dan latar belakang penyair pada masa puisi tersebut ditulis. Oleh itu diksi dalam puisi ini mempunyai kekuatan dan kedalaman makna yang dapat menyentuh sesiapa saja yang membaca.

Penyair memulakan puisi tersebut dengan فعل المضارع (kata kerja/sedang terjadi) hal ini menggambarkan pengalaman peribadi dan sosial dengan menggunakan kata yang amat dalam. Walau bagaimanapun, kata tersebut memberikan makna simbolik terhadap kebiasaan rakyat Palestin dalam kehidupan seharian. Penyair tidak menggunakan *fi'il madhiy* (kata kerja-lampau) kerana ianya sedang merindukan ibu pada saat menulis puisi dan kerinduan itu akan terus ada selama dia hidup. Pemilihan kata *ahannu* menunjukkan penyair sangat rindu kepada ibunya. Kerinduan itu tidak hanya pada sentuhan seorang ibu, akan tetapi ianya merindukan kasih sayang seperti yang ia rasai pada masa kanak-kanak. Seterusnya penyair memilih kata الخبز (roti) yang bermakna roti tersebut dapat dinikmati pada waktu lapang dan bersantai. Roti juga menjadi simbol keadaan ekonomi rakyat Palestin yang tidak dapat memakan makanan yang mewah. Sementara ketika penyair menulis puisi *ila ummiy* negara Palestin masih dijajah oleh zionis Israel dan penyair merindukan kebebasan sebagai bangsa yang merdeka. Kerinduan itu disebabkan kerana keadaan penyair yang tidak dapat beraktifitas bebas sebagaimana yang dirasai oleh seseorang yang berada di Negara merdeka.

و لمسة أمي (dan sentuhan ibuku) penyair mengungkapkan kerinduannya dengan menggunakan kata *sentuhan* untuk menggambarkan kerinduannya yang amat dalam terhadap kasih sayang seorang ibu. Kata ibu bukanlah bermakna ibu yang melahirkan sahaja, akan tetapi bisa juga bermakna tanah kelahiran (Palestin), dan *sentuhan ibu* bermakna kenikmatan yang ingin dirasai oleh penyair kerana masa kanak-kanaknya dihabiskan di bawah suara bising peluru dan bom antara negara yang sedang berperang. Kerinduan itu ia gambarkan amatlah tepat dan mendalam.

أخجل من دمع أمي (aku akan malu dengan air mata ibuku) ayat ini sebagai gambaran bahawa penyair tidak ingin melihat air mata ibunya, dia juga berjanji akan membela ibunya dengan segenap jiwa raga yang ia miliki. Hal ini dapat dilihat dengan penggunaan ayat وشاحا لهدبك (sebagai tudung bola matamu) seterusnya diikuti dengan ayat ضعيني إذا ما رجعت (pergunakanlah aku jika aku kembali). Penggunaan ayat ini penyair ingin menunjukkan bahawa dirinya siap untuk berjuang demi membela tanah airnya dan membebaskan Palestin dari penjajahan Israel. Hal ini dapat dilihat dari diksi yang terdapat dalam puisi, bahawa penyair mengikhlaskan dirinya untuk dipergunakan oleh *ibu*.

و قهوتي أمي و makna denotative pada ayat ini bahawa penyair merindukan kopi yang disediakan oleh ibunya. Kerinduan tentang situasi semacam itu kerana telah lama tidak dirasakan oleh Mahmud Darwish yang tengah berada dalam penjara zionis Israil. Sementara makna konotatif daripada ayat ini iaitu kerinduan kepada keadaan yang damai sehingga dapat minum kopi tanpa dihantui oleh suara tembakan dan bom dari askar Israil. Seterusnya, penyair menggunakan ayat يوما على صدر يوم / وتكبر في الطفولة (kenangan masa kanak-kanak terus tumbuh / hari ke hari) yang bermaksud bahawa penggunaan ayat ini sebagai penegasan rasa kerinduan yang amat mendalam terhadap suasana rumah dan rasa. و أعشق عمري لأتي إذا. أخرج من دمع أمي / مت (kehidupan yang amat kucintai, kerana sekiranya aku telah mati / aku akan malu dari air mata ibuku) diksi yang digunakan oleh Mahmud Darwish untuk menggambarkan rasa cinta yang amat dalam pada ibunya, oleh itu dia merasa malu kerana membiarkan air mata ibunya jatuh.

Pada bahagian akhir puisi, diksi yang digunakan oleh Mahmud Darwish iaitu bila ia bertambah tua, restu dari ibu adalah satu perkara yang amat diingini oleh Penyair. Jika sekiranya restu itu tidak didapatkan juga, penyair lebih memilih kembali ke masa kanak-kanak “*kini aku sudah tua, kembalikanlah bintang masa kecilku / hingga aku bisa mengikuti / burung-burung pipit masa kecil / menuju jalan pulang / pada sarang penantianmu*”.

Dari kata/diksi tersebut, dapat dilihat bahawa pada puisi *ila ummiy* ini penyair banyak menggunakan kata yang bermakna simbolik, atau makna sebenar yang diinginkan oleh penyair dari kata tersebut. Kata/diksi yang digunakan mengandungi nilai-nilai emosional bagi seorang penyair yang jauh dari ibu dan tanah airnya. Ungkapan rindu menggambarkan cinta yang amat mendalam walaupun dia berada jauh dari seorang ibu dan tanah airnya. Kata yang dipilih merupakan kesesuaian antara yang sedang dirasakan oleh hati dan jiwanya pada masa menulis puisi.

Dapat disimpulkan bahawa penyair banyak menggunakan bahasa konotatif yang mudah dipahami oleh pembaca akan tetapi mempunyai makna yang tersirat di dalamnya. Penyair memilih menggunakan bahasa konotatif berarti puisi ini mengandungi nilai-nilai emosional penyairnya. Ungkapan gejolak perasaan rindu yang sangat amat dirasakan penyair terungkap jelas dengan penggunaan bahasa-bahasa konotatif seperti yang telah dijelaskan diuraikan di atas. Hal ini menunjukkan adanya kesesuaian antara makna yang terungkap dengan diksinya.

Imaji

Imaji atau simbol yang digambarkan oleh penyair pada puisi *ila ummiy* muncul dengan beberapa bentuk gambaran. Misal, penyair menggunakan kata الأم (ibu) pada ayat pertama bukanlah bermakna ibu yang melahirkan sahaja. Akan tetapi makna sebenar disebalik kata tersebut ialah negara Palestin. Kerana sesuatu yang menjadi tempat ia berasal ianya menjadi ibu tempat untuk pulang.

Kata الأم berkaitan dengan tanah kelahiran penyair, iaitu Palestin. Ungkapan kata *rindu, sentuhan, kopi, dan roti* adalah gambaran kerinduan yang amat mendalam kepada ibu dan negaranya. Kerana pada saat menulis puisi ini, ianya sedang berada di penjara Israel jauh dari kampung halamannya. Ayat *bawa aku kembali ke masa kecil* adalah gambaran seorang penyair merindukan masa kecil yang bahagia seperti layaknya seorang anak kecil yang bahagia tanpa takut dengan tentara-tentara penjajah dan peluru menembus badan. *Air mata melambangkan kesedihan. “bawalah aku, bila esok aku kembali / sebagai syal bulu matamu”* ayat ini melambangkan bahawa Mahmud Darwish ingin selalu berada di dekat ibu, *sebagai syal bulu matamu* yang sentiasa dapat dilihat oleh ibu. “*Burung-burung pipit masa kecil*” melambangkan kebebasan yang dirasakan semasa kanak-kanak boleh pergi ke mana-mana tempat.

Penyair banyak menggunakan kata-kata yang bermakna konotatif dan simbol. Hal ini berasal dari perasaan yang amat rindu kepada kebebasan pribadi dan kebebasan negara Palestin dari penjajahan Israel. Penggunaan kata-kata yang bermakna konotatif dan simbol menunjukkan kesungguhan dari seorang penyair. Ianya berpunca pada yang dirasakan dan dilihat langsung oleh Mahmud Darwish. Simbol-simbol yang terdapat dalam puisi “*Ila Ummiy*” iaitu benda yang boleh dilihat dalam kehidupan hari-hari penyair, sehingga hal itu boleh menolong pembaca memahami maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh Mahmud Darwish. Imaji yang dibangunkan oleh penyair membawa pembaca pada masa merasai peristiwa yang berlaku di sebalik adanya puisi “*Ila Ummiy*”.

Balagh

Pada puisi yang bertajuk *Ila Ummiy* terdapat beberapa unsur *balaghah* yang digunakan oleh penyair dalam puisi ini. Ilmu *balaghah* antaranya ialah *ma'aniy*, *bayan*, dan *badi*'. Terdapat beberapa kaedah ilmu *balaghah* yang ditemukan dalam puisi ini, iaitu kajian yang berkaitan dengan *ilmu badi*' ada beberapa *saja*' pada bait pertama ayat pertama, kedua dan ketiga:

أحنّ إلى أمي
Aku amat merindui kue ibuku
وقهوتي أمي
Dan juga kopi ibuku
ولمسة أمي
Dan sentuhan ibuku

Pada bait ini terdapat *saja*' iaitu kesamaan bunyi akhir ayat, bait di atas terdapat persamaan pada bunyi huruf *mim* sehingga ini disebut sebagai *saja*'. Selanjutnya dalam kajian *ilmu bayan* penyair menggunakan beberapa bentuk, antaranya *tasybih*:

وقودا بنتور نارك
Sebagai bahan bakar apimu

Pada ayat tersebut penyair menyamai dirinya dengan *وقودا بنتور* untuk cahaya api seorang ibu yang dimakaksudnya penyair bersedia dijadikan tumpukan demi kesejahteraan ibu (Tanah Airnya/Palestin). Bentuk *tasybih* ini tidak menggunakan *adat tasybih* sehingga *tasybih* ini disebut *tasybih muakkad*. Seterusnya terdapat pula *majas lughawiy al-isti'aroh* *maknaiyyah*:

وتكبر في الطفولة
Kenangan masa kanak-kanak terus tumbuh

Pada ayat di atas masa kanak-kanak sebagai keterangan waktu yang diserupakan oleh penyair dengan keadaan manusia yang mengalami pertumbuhan. *Musyabbah bih* tidak disebutkan dalam ayat tersebut, hanya disebutkan *musyabbah*-nya sahaja, iaitu *masa keil*. Selanjutnya *majas lughawiy mursal 'alaqah jauziyah*:

وغطّي عظامي بعشب
Tutupilah tulang-tulangku dengan rumput

Maksud sebenar dari ayat di atas bukanlah hanya menutup *tulang-tulangku* sahaja, akan tetapi seluruh badan. Ungkapan yang menyebutkan sebahagian tetapi maksud sebenar ialah keseluruhan. *Kinayah* juga terdapat pada puisi ini, iaitu:

لعش انتظارك
Ke sarang penantianmu

Maksud sebenar dari ayat di atas bukanlah sarang burung seperti yang difahami oleh manusia pada amnya, tetapi bentuk kemesraan dan kasih sayang seorang ibu dalam pelukan. *Kinayah* yang berkaitan dengan tempat disebut *kinayah maushuf*. Terdapat juga dalam puisi ini bentuk dalam *ilmu ma'aniy* ianya adalah *kalam khabariy ibtida'iy*. *kalam khabariy ibtida'iy* ialah berita yang dapat dibuktikan kebenarannya tanpa menggunakan kata taukid (penegasan) atau penekanan pada ayat tersebut:

أحنّ إلى خبز أمي

Aku rindu sekali dengan roti ibuku

Pada kata *aku* adalah subjek, adapun sebagai predikat adalah *rindu sekali*, keterangannya ialah *roti ibuku*. Oleh itu, bentuk ini disebut sebagai *kalam khabariy ibtida'iy*.

Tajuk

Puisi *ila ummiy* yang ditulis oleh Mahmud Darwish merupakan puisi yang berkaitan tentang patriotism. Kerana hal ini dapat dilihat dari penggunaan diksi tertentu dalam puisi. Kata-kata yang bermakna *ungkapan rindu* diungkapkan beberapa kali dalam puisi ini, misalan *masa kecil 2X*, *bintang-bintang*, *ikatanku*, *memetakkan*, *kembali 2X*, *pulang 2X*, *penantianmu*, *rindu*, *hidupku*, dan *kenangan*. Selanjutnya, ungkapan *tentang cinta* dapat dilihat dengan penggunaan kata-kata *tumbuh*, *menyentuh*, *kedalaman hati*, dan *mencintai*. Ungkapan perasaan *rindu*, *bintang-bintang*, *kembali*, dan *pulang* adalah sebagai bentuk rasa cinta kepada tanah air kerana sang penyair sedang berada jauh dari tanah kelahirannya. Kemudian, ianya juga menggunakan kata *masa kecil*, *rindu*, *ibu*, dan *kenangan* sebagai bentuk rasa cinta dan rindu kepada ibu yang telah melahirkannya. Kata-kata yang bermakna simbolik dan konotatif ini berasal dari ketulusan hati yang amat dalam dari seorang penyair. Walaupun demikian, tajuk tentang *kerinduan*, *rasa cinta* dan *ungkapan rindu* adalah membincangkan tentang ibu seorang penyair. Tapi maksud sebenar dan makna implisit puisi “*ila ummiy*” adalah tentang patriotism Mahmud Darwish dan kecintaan yang amat dalam untuk Palestin.

Kerinduannya pada Ibu pertiwi atau tanah airnya membuat penyair mengulang-ulang rasa rindu pada tanah airnya pada tiap bait dengan kata rindu, dan jika pulang nanti, semua itu adalah bentuk rasa cinta terhadap tanah airnya, penyair rela berkorban jiwa dan raga untuk membahagiakan ibu pertiwinya. Oleh itu, tajuk utama yang diungkapkan oleh puisi ini adalah tema patriotisme terhadap tanah air. Bentuk ungkapan yang bermakna *tanah air* tidak disebut secara langsung, akan tetapi ianya digambarkan dengan diksi yang memiliki makna konotatif dengan tanah air.

Rasa

Karya sastera itu tidak berdiri sendiri, ianya dipengaruhi oleh beberapa faktor lainnya, baik secara dalaman mahupun luaran. Keadaan batin dan psikologi seorang penyair sangatlah mempengaruhi yang ditulis, hal ini termasuk dalam puisi *Ila ummiya* karya Mahmud Darwish. Rasa menentukan tema puisi yang ditulis. Rasa kerinduan dan cinta akan tanah air menjadikan penyair dapat menulis puisi ini amatlah mendalam, hal ini dapat dilihat dari pilihan diksi yang digunakan penyair. Penyair berharap dapat membelah tanah airnya dengan segenap jiwa raga dan berharap negaranya akan segera merdeka dari penjajahan Israel. Kerinduan kepada ibu yang telah melahirkannya sehingga penyair memilih kata-kata seperti *masa kecil*, *sentuhan ibu*, *roti* dan *kopi*.

“*menuju jalan pulang*” ayat ini menggambarkan perasaan penyair yang hendak pulang kepada ibunya. “*Pulang*” adalah diksi yang paling tepat untuk mewakili rasa

kerinduan setelah berada jauh dari kampung halaman. Kerana hal itulah Mahmud Darwish meneruskan pernyataannya pada bahagian akhir puisi ini dengan ayat yang mempunyai makna yang amat dalam “*pada sarang penantianmu*”.

Amanat

Karya sastera amnnya memiliki amanat atau pesan yang akan disampaikan kepada pembaca, demikian juga dengan puisi *ila ummiy* karya Mahmud Darwish. Sebagaimana yang telah pengkai sampaikan sebelumnya, melalui kata yang dipilih oleh penyair, dapat diketahui apa yang sebenar yang ingin disampaikan oleh penyair dalam puisi tersebut. Penyair ingin menyampaikan kepada pembaca bahawa rasa cinta kepada tanah air itu janganlah sampai hilang walaupun sedang dijajah oleh negara lain. Justeru hal itu menambah kecintaan kita terhadap tanah air. Seterusnya, amanat yang hendak disampaikan oleh penyair adalah perasaan tentang kampung tempat dia lahir selalu melekat dalam hati walau bagaimanapun dia jauh dari tanah airnya “*dalam diriku, kenangan masa kanak-kanak tumbuh / dari hari ke hari*”.

Perasaan agar sentiasa membela tanah air dan bangsa sendiri ianya merupakan satu benda yang perlu dibangkitkan lagi bagi generasi yang akan datang. Sebab kerana dengan perasaan *memiliki* dan *kecintaan* kepada tanah air dapat membangkitkan semangat perlawanan. Selain amanat yang berkaitan dengan kecintaan pada Palestin, Mahmud Darwish juga menyampaikan amanat dan pesan untuk menyayangi ayah ibu dengan diksi bermakna denotatif.

Analisis Unsur Luaran

Kehidupan Sosial Pengarang

Mahmud Darwish ialah seorang penyair yang amat mencintai tanah airnya, oleh itu dia selalunya menulis puisi-puisi tentang rasa patriotisme kepada negara dan puisi-puisi tentang keadaan Palestin. Seseorang penyair yang menulis puisi, ianya tidak terlepas dari pengaruh sosial di sekitarnya.

Khadijah (2020) menyatakan bahawa Mahmud Darwish menulis puisi *ila ummiy* ialah semasa beliau sedang dipenjara Israel. Puisi tersebut ditujukan kepada ibunya, *ibu* bukan sahaja bermakna ibu. Akan tetapi ianya bermakna tanah air. Penyair berharap kebebasan dari derita yang ia rasakan, dan penderitaan yang dirasakan oleh bangsa Palestin. Penyair berharap bisa kembali ke rumah, ke tanah air, kerana rumah adalah tempat untuk memulai perlawanan kepada penjajahan Israel. Kembali pulang ke rumah adalah mengumpulkan kekuatan dan membangkitkan semangat rakyat Palestin dalam melawan penjajah zionis Israel.

Apa yang dinyatakan oleh Khadijah (2020) serta dengan melihat diksi yang terdapat oleh penyair dalam puisi *Ila Ummiy*, dapatlah kita fahami bahawa ianya sangat mengaharapkan kebebasan bangsa Palestin agar hidup seperti negara-negara merdeka lainnya di dunia ini. Kerana itu, beliau menulis puisi sebagai bentuk perlawanan kepada penjajahan Israel dan membangkitkan semangat bangsa Palestin.

Puisi Bayi Lahir Bulan Mei 1998

Dengarkanlah itu ada bayi mengea di rumah tetangga
Suaranya keras, menangis berhiba-hiba
Begitu lahir ditating tangan bidannya
Belum kering darah dan air ketubannya

Langsung dia memikul hutang di bahunya
Rupiah sepuluh juta

Sekiranya dia jadi petani di desa
Dia akan mensubsidi harga beras orang kota
Kalau dia jadi orang kota
Dia akan mensubsidi bisnis pengusaha kaya
Kalau dia bayar pajak
Pajak itu mungkin jadi peluru runcing
Ke pangkal aortanya dibidikkan mendesing

Cobalah nasihati bayi ini dengan penataran juga
Mulutmu belum selesai bicara
Kau pasti dikencinginya.

1998

(Taufiq Ismail, 1998)

Analisis Unsur Dalaman Puisi Taufiq Ismail

Diksi

Puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” adalah puisi yang amat sederhana, tetapi memiliki makna yang amat mendalam tentang krisis ekonomi yang menimpa Indonesia pada masa itu. Oleh itu, beberapa diksi yang digunakan oleh penyair memiliki makna dan simbol tersendiri. Tajuk puisi ini sudah jelas, dengan pemilihan kata “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” ianya merakam peristiwa yang terjadi pada bulan mei 1998. Sebagai contoh pada bait pertama, penyair menggambarkan bayi yang sedang menangis dengan hiba;

“Dengarkan itu ada bayi mengea di rumah tetangga”
“Suaranya keras, menangis berhiba-hiba”
“Begitu lahir ditating tangan bidannya”
“Belum kering darah dan air ketubannya”
“Langsung dia memikul hutang di bahunya”
“Rupiah sepuluh juta”

(Taufiq Ismail, 1998)

Penyair memulakan puisinya dengan kalimat perintah, “*dengarkan itu ada bayi mengea di rumah tetangga*”. Bayi mengea iaitu menggambarkan bahawa ada anak manusia yang baru saja lahir ke dunia. Bayi yang lahir itu berada di rumah tetangga. Keberadaan seorang bayi dapat diketahui kerana ada suara tangisan yang terdengar. Hal itu dapat ditegaskan pada ayat selanjutnya “*suaranya keras, menangis menghiba-hiba*”, ayat ini ianya bermakna seseorang yang amat memerlukan sesuatu. Kerana bila bayi sedang menangis, ianya memerlukan makanan atau ianya memerlukan sesuatu yang lain. Akan tetapi, maksud bayi menangis itu dapat difahami dengan ayat selanjutnya. *Belum kering darah dan air ketubannya / langsung dia memikul hutang dibahunya / rupiah sepuluh juta*, ayat ini memiliki maksud bahawa hutang negara Indonesia amat banyak. Sehingga bayi yang baharu

lahir saja langsung memikul beban. Bayi yang baru lahir sahaja digambarkan sebagai orang yang amat menderita dan langsung menanggung beban hidup yang amat berat.

Penggunaan diksi ini, bayi menanggung beban hutang bukan sahaja sebagai nilai estetik puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998”, akan tetapi ianya berdasarkan kenyataan yang berlaku pada masa itu. Jumlah hutang Indonesia bila dibahagi dengan jumlah penduduk Indonesia, maka setiap orang akan menanggung beban hutang Rp. 10.000.000 (sepuluh juta rupiah). Seterusnya pada bait kedua, diksi yang digunakan oleh penyair amat menarik.

“Kalau dia jadi petani di desa”
“Dia akan mensubsidi harga beras orang kota”
“Kalau dia jadi orang kota”
“Dia akan mensubsidi bisnis pengusaha kaya”
“Kalau dia bayar pajak”
“Pajak itu mungkin jadi peluru runcing”
“Ke pangkal aortanya dibidikkan mendesing”

(Taufiq Ismail, 1998)

Taufiq Ismail menggambarkan bahawa orang yang kaya akan semakin kaya, dan yang miskin akan semakin miskin. “*Kalau dia jadi petani di desa, dia akan mensubsidi harga beras orang kota, kalau dia jadi orang kota, dia akan mensubsidi bisnis pengusaha kaya*” ayat ini menunjukkan bahawa menjadi seorang petani di desa hanya cukup untuk makan dan minum sehari sahaja. Walaupun demikian, orang kaya yang hidup di bandar-bandar besar tanpa petani yang hidup di desa. Kerana bila tidak ada petani yang menanam padi, tentu orang kaya di bandar-bandar besar tidak boleh makan nasi. Maksudnya iaitu antara petani dan orang kaya yang hidup di kota mempunyai hubungan simbiosis mutualisme (hubungan timbal balik). Rangkaian kata ini juga menggambarkan perilaku kapitalisme yang amat kuat dalam perkumpulan kelompok masyarakat. Petani akan mensubsidi orang kaya di bandar, sementara orang kaya di Bandar akan mensubsidi pengusaha-pengusaha besar (yang kaya semakin kaya dan yang miskin semakin miskin). Hal ini kerana yang menentukan harga adalah para peniaga. Ayat “*pajak itu mungkin jadi peluru runcing, ke pangkal aortanya dibidikkan mendesing*”, kata *peluru runcing* dapat berarti sebagai alat yang dapat membunuh seseorang. *Aorta* iaitu urat nadi atau leher, penggunaan kata *aorta* ianya sangat tepat untuk menggambarkan penderitaan rakyat Indonesia. Penderitaan itu amat teruk, sehingga diksi *aorta* amat tepat digunakan oleh penyair.

Pada bahagian akhir puisi, penyair menggunakan ayat “*cobalah nasihati bayi ini dengan penataran juga / mulutmu belum selesai bicara / kau pasti dikencinginya*”. Ayat ini bermaksud untuk memberi nasihat kepada bayi agar ia tidak menangis, nasihat yang diberikan kepada si bayi ianya agar menerima sahaja yang berlaku. Akan tetapi nasihat itu tidak boleh diterima, hal itu dapat diketahui kerana penyair menggunakan ayat “*mulutmu belum selesai bicara / kau pasti kencinginya*”. Hal ini bermaksud bahawa nasihat yang hendak disampaikan kepada si bayi tidak boleh diterima, mulut yang belum selesai berbicara pasti dikencingi oleh bayi yang menangis tersebut.

Terdapat beberapa majas yang ada dalam puisi ini, iaitu majas metonimia pada ayat “*langsung ia memikul hutang dibahunya*”. Seterusnya majas metafora terdapat pada ayat “*pajak itu mungkin menjadi peluru runcing, ke pangkal aortanya dibidikkan mendesing*”. Hal ini digunakan oleh penyair sebagai penegasan penderitaan yang dialami oleh rakyat Indonesia. Selain itu, majas repetisi terdapat pada bait kedua puisi. Majas repetisi digunakan untuk memperindahkan bunyi.

“Kalau dia jadi petani di desa”
“Dia akan mensubsidi harga beras orang kota”
“Kalau dia jadi orang kota”
“Dia akan mensubsidi bisnis pengusaha kaya”
“Kalau dia bayar pajak”
“Pajak itu mungkin jadi peluru runcing”
“Ke pangkal aortanya dibidikkan mendesing”

(Taufiq Ismail, 1998)

Puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” amnya iaitu menggambarkan perkaitan dengan kemiskinan yang amat teruk di Indonesia. Kerana amat teruk yang menimpa bangsa Indonesia, bahkan bayi yang baharu lahir saja dapat menanggung hutang negara. Diksi yang terdapat dalam puisi ini adalah gambaran umum tentang rakyat Indonesia dalam menghadapi kemiskinan. Pada masa itu juga Indonesia menghadapi krisis moneter, sehingga berakhir pada peristiwa reformasi (jatuhnya rejim Soeharto yang telah berkuasa selama 32 tahun). Diksi atau yang terdapat dalam puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” ianya gambaran kondisi sebenar yang terjadi pada masa itu. Taufiq Ismail bukan sahaja menulis puisi ini berdasarkan imajinasi sahaja, akan tetapi ianya merasai dan melihat langsung peristiwa di sebalik puisi ini.

Imaji

Unsur yang dapat memperindah dan memperdalam nilai sebuah puisi ialah imaji yang dibangun oleh penyair. Puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” menggunakan beberapa imaji, antaranya ialah imaji pendengaran (auditif). Hal ini dapat dilihat pada ayat “*dengarkan itu ada bayi mengea di rumah tetangga, suaranya keras menangis menghiba-hiba*”. Seterusnya, imaji gerak yang terdapat pada ayat *begitu lahir diangkat tangan bidangnya*, pada ayat selanjutnya penyair menggambarkan seakan pembaca melihat langsung apa yang terjadi iaitu pada ayat “*belum kering darah dan air ketubannya, langsung dia memikul hutang dibahunya, sepuluh juta*”. Selain itu, penyair menggunakan imaji visual pada bait kedua;

“Kalau dia jadi petani di desa”
“Dia akan mensubsidi harga beras orang kota”
“Kalau dia jadi orang kota”
“Dia akan mensubsidi bisnis pengusaha kaya”
“Kalau dia bayar pajak”
“Pajak itu mungkin jadi peluru runcing”
“Ke pangkal aortanya dibidikkan mendesing”

(Taufiq Ismail, 1998)

Penggunaan imaji ini, bertujuan untuk membawa pembaca untuk melihat dan merasai langsung peristiwa yang terjadi di sebalik puisi ini. Orang desa dan orang kota adalah gambaran bahawa demikianlah yang terjadi sebenarnya bila kita menjadi objek pada puisi tersebut.

Tajuk

Puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” ialah puisi yang bertema tentang patriotisme. Hal ini kerana puisi ini merakam sesuatu yang terjadi pada masa tahun 1998, iaitu pada masa orde baru pemerintahan Indonesia di bawah presiden Soeharto. Puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” merakam keadaan ekonomi Indonesia pada masa itu yang mengalami krisis kewangan. Tajuk tentang patriotisme dalam puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” ianya menjadi tajuk utama. Walaupun demikian, terdapat tajuk lain yang digambarkan oleh penyair sebagai pendukung tajuk utama. Tajuk tentang kemiskinan dalam puisi ini digambarkan dalam ayat “*langsung dia memikul hutang di bahunya / rupiah sepuluh juta*. Ayat ini adalah gambaran kemiskinan, diksi *memikul hutang* ianya bermakna kemiskinan. Seterusnya, puisi ini juga menggambarkan rasa prihatin seorang anak bangsa terhadap keadaan bangsa yang mempunyai banyak hutang. Hal itu diungkapkan oleh penyair pada larik, “*belum kering darah dan ketubannya, langsung dia memikul hutang dibahunya*”.

Puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” secara amnya membincangkan tajuk tentang patriotisme. Sikap patriotisme ditunjukkan oleh penyair sebagai rasa prihatin terhadap kondisi negara Indonesia di bawah krisis kewangan yang amat teruk.

Rasa

Taufiq Ismail selalunya menulis puisi yang dilihat dan dirasai langsung oleh dirinya sendiri. Oleh itu, puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” ianya memiliki rasa yang amat mendalam yang tidak kering daripada makna. Hal ini kerana puisi ini tidak ditulis dengan khayalan sahaja, ianya lahir dari pengalaman peribadi penyair. Oleh itu, rasa kesedihan tentang kemiskinan dan bangsa Indonesia yang mempunyai banyak hutang luar negeri menjadi asas di sebalik lahirnya puisi ini.

Amanat

Puisi yang bertajuk “Bayi Lahir Bulan Mei 1998” lahir kerana peristiwa yang terjadi pada masa itu. Oleh kerana itu, untuk melihat amanat yang disampaikan oleh penyair dalam puisi ini diperlukan kemampuan untuk memahami setiap kata dan ayat yang ditulis oleh penyair. Amanat itu dapat kita kaji dengan penggunaan kata-kata dan simbol dalam puisi.

Amanat tersirat dalam puisi ini ada pada bait terakhir. “*Cobalah nasihati bayi ini dengan penataran juga, mulutmu belum selesai bicara, kau pasti dikencinginya*”. Rangkaian ini membawa makna bahawa seorang bayi yang baru lahir pun tidak sanggup menanggung beban yang diadapi. Menanggung hutang *sepuluh juta* amatlah berat, oleh itu pada bahagian akhir puisi penyair menggunakan ayat *kau pasti dikencinginya*. Penyair menyampaikan bahawa untuk membayar hutang Indonesia yang amat banyak itu, sulit dilakukan dengan memberikan nasihat sahaja agar tabah dan ikhlas. Seterusnya, tajuk yang diberikan dalam puisi ini juga memberikan amanat dan pesan yang hendak disampaikan oleh penyair. Bayi yang lahir pada bulan Mei 1998 iaitu bayi yang lahir pada masa keadaan ekonomi Indonesia sedang mengalami krisis ekonomi, politik dan ketidakadilan terjadi di mana-mana.

Analisis Unsur Luaran: Kehidupan Sosial Pengarang

Keadaan ekonomi Indonesia yang mengalami krisis kewangan dan Indonesia memiliki banyak hutang luar negeri. Harga barang naik sehingga rakyat Indonesia sukar untuk memenuhi keperluannya. Oleh itu, puisi yang bertajuk “Bayi Lahir Mei 1998” merupakan

puisi yang ditulis oleh beliau kerana peristiwa yang terjadi pada masa itu menggambarkan krisis ekonomi yang menimpa bangsa Indonesia.

Pada tahun 1998 masa Indonesia mengalami krisis ekonomi, politik dan hukum, Taufiq Ismail merasai langsung peristiwa yang terjadi pada masa itu. Bayi yang lahir 1998 adalah saksi sejarah Indonesia melewati krisis kewangan. Oleh itu, amanat atau pesan yang disampaikan oleh penyair ianya perkaitan dengan keadaan ekonomi Indonesia serta kondisi rakyat Indonesia dalam menghadapi krisis tersebut. Hal itu dapat diketahui dengan penggunaan diksi dan ayat yang terdapat dalam puisi “Bayi Lahir Bulan Mei 1998”. Amanat atau pesan dari penyair misalan tergambar pada ayat “*sekiranya dia jadi petani di desa / dia akan mensubsidi harga beras orang kota / kalau dia jadi orang kota / dia akan mensubsidi bisnis pengusaha kaya*”, daripada rangkai kata ini penyair menyampaikan bahawa keadaan rakyat Indonesia yang kaya akan tambah kaya, dan yang miskin akan tambah miskin.

RUMUSAN

Mahmud Darwish merupakan sasterawan yang banyak menulis puisi tentang patriotisme dan perlawanan. Oleh itu, dua puisi yang dipilih sebagai objek kajian ialah puisi yang bertajuk tentang patriotisme. Unsur dalaman yang terdapat pada dua puisi Mahmud Darwish adalah diksi, imaji, gaya bahasa, tajuk, rasa dan amanat. Unsur luaran bagi puisi-puisi tersebut adalah kehidupan sosial pengarang. Kerana puisi ini lahir dari rasa patriotisme seorang penyair yang ingin memerdekakan negaranya dari penjajah Israel sehingga dapat membangunkan semangat bagi rakyat Palestin untuk memperjuangkan hak mereka. Jenis puisi Mahmud Darwish adalah puisi bebas (*al-shi'r al-hurr*) iaitu puisi yang tidak mengikuti konsep puisi tradisional Arab yang mengikuti *al-wazn* dan *al-qafiyah*. Diksi yang digunakan oleh penyair memiliki makna yang amat mendalam sehingga ia tidak kering akan makna di sebalik pesan yang disampaikan oleh penyair. Demikian juga dengan puisi Taufiq Ismail yang juga memperkatakan tentang secara dekat kehidupan sosial sebenar penyair di tanah airnya yang menghadapi pelbagai kritis. Hubungan aspek tekstual (dalaman) dengan aspek luaran ini juga sejajar dengan prinsip perkaitan dalam teori Estetika Bersepadu oleh A. Halim Ali (2010). Berdasarkan prinsip perkaitan, jelas menunjukkan signifikasi hubungan aspek dalaman teks dengan aspek realiti yang ada di luar teks.

RUJUKAN

- A.Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. MZU Edu Publications.
- Abdul Mun'im Al-Khafajiy. (1995). *Al-adab Al-'arabiy Fiy 'Ashril 'Abbasiy ats-tsaniy*. Mesir: Maktabah Al-kulliyat Al-azhariyah.
- Abdul Halim Ali (2011) *Pengantar Teori dan Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdul Halim Ali (2010) Konsep Estetika Bersepadu: Terapan dan analisis ke atas karya-karya puisi Ahmad Kamal Abdullah. *Tesis Ijazah Doktor falsafah Kesusasteraan Melayu*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdur Al-Razzaq, Gasil. (2013). *Al-Shurah Fiy Qasidah "Bitoqotun Huwiyah" Li Mahmud Darwish: Muqoronah Uslubiyah* (Desertasi). Aljazair: University Akli Mohand Oulhaj.
- Chin, Roslan. (2021). Analisis Karakteristik Realisme Dalam antologi Cerpen “Sewangi-Wangi Tulang” Karya Mhd. Mansur Abdullah. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9 (1), 20-32. Retrieved From <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/140>

- Darwish, Mahmud. (2005): *Al-A'mal Al-Kamilah*. Beirut-Libanon. Riad El-Rayyes Books. (PDF diakses pada laman <http://www.noor-book.com>)
- Darwish, Mahmud. (2005). *Al-A'mal Al Ula*. Beirut-Libanon. Riad El-Rayyes Books. (PDF diakses pada laman <http://www.noor-book.com>)
- Handayani, Sepriyanti. (2009). *Tema Patriotisme Dalam Tiga Puisi Mahmud Darwish* (Tesis Diploma). Jakarta; Universitas Indonesia.
- Ismail, Azman. (2018). Novel-Novel Shahnong Ahmad Dalam Perspektif Etnografi Semantik. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6 (1), 1-30. Retrived From Retrieved From <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/36>
- Ismail, Taufiq. (2000). *Malu Aku Jadi Orang Indonesia*. Jakarta: Yayasan Indonesia.
- Muzakki, Ahmad. (2011). *Pengantar Teori Sastra Arab*. Malang: UIN Maliki Press.
- Sarah Binti Abu Kasim, Noor. (2018). Puisi Endoi Sebagai Instrumen Dakwah Untuk Pembangunan Insan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6 (1), 241-276. Retrived From <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/19>
- Taufiq A.Dardiri. (2011). *Perkembangan Puisi Arab Modern*. *Jurnal Adabiyat*, X (2). 283-307.
- Teeuw, A. (1983). *Sastra dan Ilmu Sastra*. Jakarta: Pustaka Jaya.